

# NORTHPORT DI MEDIA

Harian

# Metro

## Cabaran bergelar jurumalim

■ Tugas kemudi kapal untuk berlabuh perlu keberanian



### WAJAH KEHIDUPAN

Memastikan nakhoda kapal tidak bulyar secara berbahaya dan mematuhi arahan bagi mengelakkan insiden tidak diingini berlaku. Itu antara tugas malim di pelabuhan seperti laporan hari ini. Ikuti juga fungsi Pusat Transit Kenderaan (VTC) di Northport, Pelabuhan Klang.

Oleh Rizanizam Abdul Hamid  
rizanizam@hmetro.com.my  
Pelabuhan Klang

**C**abaran bermula apabila saya menaiki bot tunda dari jeti sejauh kira-kira 12 batu untuk menghampiri kapal yang ketinggiannya melebihi 15 meter," kata malim di Northport (M) Berhad (Northport) Kapten Mohamad Nor Ismail.

Beliau berkata, walaupun nampak mudah, tugasnya itu berdepan pelbagai cabaran yang memerlukan keberanian tinggi dan luar biasa.

"Apabila menghampiri kapal, pekerja kapal kemudian akan menghulurkan tangga dan dalam keadaan bot tunda yang terhoyong-hayang akibat laju bergelora, saya perlu memanjang sebahagian tangga menggunakan tali untuk menaiki kapal," katanya.

Semua kapal yang berlabuh di dermaga sama ada Pelabuhan Utara atau Pelabuhan Barat diwajibkan menggunakan khidmat malim atau pengemudi kapal tempatan.

Syarat yang dikenakan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) itu bertujuan memastikan tahap keselamatan pelayaran di perairan negara bebas daripada kemungkinan berlakunya aktiviti penyeludupan dan ancaman terhadap ekosistem akibat tumpahan minyak.

Menurut beliau, segala perasaan gayat dan takut lemas dipukul ombak perlu diketepikan demi melaksanakan tugas yang diamanahkan.

"Setibanya di atas kapal, saya akan bertukar-tukar maklumat dengan kapten kapal termasuk mengenai prosedur operasi standard (SOP) untuk mengemudi ka-



MOHAMAD Nor memberi arahan kepada kapten kapal kontena yang berlabuh.

pal berkenaan.

"Khidmat malim amat penting kerana kami mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas mengenai perairan di kawasan dermaga supaya kapal dapat berlabuh dengan selamat," katanya yang berpengalaman selama 18

tahun di Northport. Selain itu, katanya, mengemudi kapal pelbagai saiz sehingga yang terbesar 398 meter panjang adalah cabaran paling getir tetapi ketika hujan lebat yang mengehadkan jarak penglihatan.

"Sebab itu pengetahuan malim tempatan amat penting kerana kami lebih mem-

hami laluan yang digunakan kapal, kedalaman air dan lalu lintas sempit seperti antara pulau," katanya.

Mohamad Nor berkata, apabila kapal hampir tiba di dermaga, khidmat bot tunda pula diperlukan bagi menolak kapal beratnya kira-kira 50,000 tan menghampiri dermaga bagi melaksanakan kerja pemunggahan kontena.

FOTO: ZULFAHMI ZUKRI

### FAKTA

Pastikan perairan negara selamat daripada jenayah selain juga ekosistem



MOHAMAD Nor memulakan tugas dengan menaiki bot untuk ke kapal kontena. Gambar kecil, Mohamad Nor memberi arahan kepada kapal kontena bakal berlabuh di Northport.

## VTC pintu masuk kereta import

Pelabuhan Klang:

Sebagai pusat penyimpanan kereta sementara sebelum penghantaran kepada pemilik, Pusat Transit Kenderaan (VTC) di Northport (M) Bhd (Northport), di sini, mampu menampung 3,764 unit kenderaan pada satu-satu masa.

Cabaran utama VTC seperti tugas Penolong Pengurusan, Mohamad Zaid Mat Jaleh adalah memastikan semua kenderaan mewah yang diimport dan dieksport itu sentiasa dalam keadaan baik sebelum dihantar kepada pemilik.

Menurutnya, pada April lalu saja, sejumlah 11 kapal yang membawa kira-kira 3,600 kenderaan import berlabuh di dermaga Northport yang terletak hanya kira-kira 500 meter dari VTC.

"Sebelum kenderaan dibawa keluar dari kapal, kami perlu melakukan periksa terhadap setiap kenderaan supaya bebas daripada sebarang keros-

akan termasuk kesan casar.

"Ini kerana jika terdapat kerosakan dikesan selepas kenderaan berada di VTC, pihak kami perlu bertanggungjawab sekiranya mendapat aduan daripada pemilik," katanya.

Sebaik sahaja berlabuh, katanya, kereta akan dipandu sambil diiringi kenderaan polis sebagai langkah keselamatan dan segalah dokumen berkaitan diteliti supaya tidak berlaku kesilapan.

"Kawalan keselamatan di kawasan seluas 20 ekar (8 hektar) ini beroperasi 24 jam dibantu dengan pemantauan 11 kamera litar tertutup (CCTV)," kata-

Katanya, polis Northport mempunyai kerjasama erat dengan polis setempat yang akan mengedarkan gambar penjenayah mencuri kenderaan mewah sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya didatangi individu berkenaan.